

SSM tawar kadar diskaun kompaun 90 peratus

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) buat kali pertama menawarkan kadar peningguran kompaun maksimum sebanyak 90 peratus daripada nilai asal kompaun menerusi Kempen Pematuhan Tahun 2020 Akta Syarikat 2016 (AS 2016).

Ketua Pegawai Eksekutif SSM Dr Azman Hussin, berkata kempen yang bermula pada 1 Januari hingga 30 April 2020 ini terpakai untuk setiap kompaun yang dikeluarkan bagi kesalahan lazim sahaja di bawah Seksyen Kesalahan AS 2016 dan AS 1965.

Namun, kempen ini tertakluk kepada dua keadaan iaitu syarikat yang ingin meneruskan perniagaan perlu mengemaskini serah simpan penyata tahunan dan penyata kewangan; dan bagi syarikat tidak aktif (dormant) yang hendak membuat penutupan, dikehendaki membuat permohonan pemotongan nama syarikat menurut Seksyen 550 AS 2016 terlebih dahulu.

Antara kesalahan lazim berkenaan ialah gagal menyerah serah simpan penyata tahunan, menyediakan penyata kewangan, mengadakan mesyuarat agung tahunan dan memberi maklum balas terhadap notis SSM.

Katanya, tawaran diskaun ini adalah peluang terbaik kepada semua syarikat yang berdaftar kerana ia secara tidak langsung akan memberi kesan positif kepada integriti ekosistem perniagaan dan pensyarikatan di negara

ini untuk patuh kepada undang-undang.

"Pematuhan syarat wajib itu secara tidak langsung dapat mengemas kini maklumat syarikat demi kepentingan dan manfaat kepada semua pihak yang terbabit dalam ekosistem perniagaan serta ekonomi negara, malah ia turut mencerminkan SSM yang amanah dalam menjalankan tugasnya.

"Ini memandangkan setiap tahun kadar pematuhan di negara kita semakin meningkat sama seperti negara maju yang lain. Pada 2018, SSM telah mencapai kadar pematuhan sebanyak 93 peratus dan pada tahun-tahun mendatang,

SSM menyasarkan untuk mencapai kadar pematuhan melebihi 95 peratus.

"Justeru, penawaran kompaun adalah sebagai salah satu mekanisme untuk SSM memastikan setiap syarikat mematuhi peruntukan AS 2016/1965," katanya ketika ditemui di pejabatnya.

Sehingga 30 Jun 2019, statistik pendaftaran perniagaan di negara ini ialah 7,454,963 perniagaan, 1,321,351 untuk pendaftaran syarikat dan 20,653 untuk perkongsian liabiliti terhad.


Sementara itu, dianggarkan 57,633 syarikat atau 5.5 peratus yang masih tidak patuh untuk

menghantar penyata tahunan mereka.

"Komuniti korporat boleh membuat pembayaran kompaun mereka di kaunter setiap cawangan SSM di seluruh Malaysia," katanya.

Justeru itu, SSM berharap setiap syarikat merebut peluang ini sehingga April 2020 kerana ia adalah situasi menang-menang untuk semua pihak terbabit dan dapat meningkatkan integriti ekosistem perniagaan di negara ini.

"Selepas tarikh itu tanpa alasan kukuh, mereka yang gagal patuh kepada akta, akan diambil tindakan selanjutnya dengan membawa mereka ke mahkamah," katanya.



Pematuhan syarat wajib itu secara tidak langsung dapat mengemas kini maklumat syarikat demi kepentingan dan manfaat kepada semua pihak yang terbabit dalam ekosistem perniagaan serta ekonomi negara.

**Dr Azman Hussin,
Ketua Pegawai
Eksekutif SSM**



Diskaun kompaun sehingga 90 peratus dibuka sehingga April 2020.

(Gambar hiasan)

HARI :	
TARIKH :	13/12/2019
MSURAT :	14
JUMAAT	